

PENERANGAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Semua peraturan yang dinyatakan adalah tertakluk kepada Garis Panduan dan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (*OSHA 1994*).

1. Peralatan Perlindungan Kepala

Semua pekerja diwajibkan memakai peralatan perlindungan kepala di tapak pembinaan bagi mengelakkan hazard yang berpunca daripada objek yang terjatuh atau kejutan elektrik wujud di tapak pembinaan.

2. Peralatan Perlindungan Mata Dan Muka

Peralatan mata dan muka yang sesuai mesti digunakan oleh pekerja di kawasan kerja yang terdedah kepada hazard daripada zarah-zarah terbang, logam lebur, asid bahan kimia, gas atau sinaran radiasi. Kemudahan pembersihan mata kecemasan disediakan mengikut peruntukan JKPP di semua tempat terdedah kepada bahan yang boleh mendatangkan mudarat kepada mata dan muka. Kemudahan ini mesti ditempatkan di kawasan yang mudah untuk didapati sekiranya berlaku kecemasan.

3. Peralatan Perlindungan Kaki

Kasut keselamatan mesti dipakai di semua kawasan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Kasut keselamatan perlu dipakai bagi kerja yang melibatkan:

- Pemunggahan barang seperti bungkusan, peralatan yang berat dan objek yang berisiko jatuh atas kaki
- Pengendalian mesin atau jentera
- Kerja yang melibatkan sumber elektrik

4. Peralatan Perlindungan Telinga

Peralatan perlindungan telinga diperlukan apabila berada di kawasan yang mempunyai tahap kebisingan yang tinggi (melebihi 82dBA ke atas). Peralatan ini diperlukan bagi mengelakkan risiko kerosakan pada gegendang telinga.

5. Peralatan Perlindungan Tangan

Sarung tangan yang sesuai perlu dipakai apabila terhadap hazard daripada bahan kimia, kerja pemotongan, kerja pengikatan, kerja di bawah suhu yang tinggi dan sebagainya.

6. Peralatan Perlindungan Sistem Pernafasan

Peralatan penafasan iaitu mulut dan hidung digunakan semasa kerja-kerja yang melibatkan gas, debu, bahan kimia yang mudah meruap dan asap. Topeng keselamatan yang mempunyai injap pengaliran oksigen digunakan di kawasan kerja yang mempunyai kurang oksigen seperti kerja di ruang tertutup.

7. Persekitaran Kawasan Kerja

- Memastikan dinding penghadang atau garisan sempadan (*barricade tape*) disemua kawasan tapak bina.
- Memastikan semua papan tanda atau kon yang berkaitan diletakkan di kawasan tapak bina. Cth:- "*DILARANG MASUK*".
- Memastikan pelupusan sisa binaan atau bahan merbahaya perlu diletak di tempat yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau badan-badan yang diiktiraf oleh kerajaan.

8. Senarai Peralatan Perlindungan Diri

- Topi Keselamatan (*Safety Helmet*)
- Jaket Keselamatan (*Safety Vest*)
- Pelindung muka (*Face Shield*)
- Pelindung mata (*Safety Goggles*)
- Palam telinga (*Ear Plug*)
- Penutup telinga (*Ear Muff*)
- Sarung tangan (*Safety Gloves*)
- Kasut Keselamatan (*Safety Shoes*)
- Apron Penuh (*Coverall*)
- Abah-Abah (*Full Body Harness*)

9. Keselamatan elektrik

Akibat Hazard Elektrik

- Kebakaran ; litar pintas
- Letupan
- Terkena kejutan arus elektrik

Tindakbalas apabila berlaku kemalangan elektrik

- Langkah 1 : Matikan bekalan kuasa / punca elektrik.
- Langkah 2 : Bebaskan mangsa dengan selamat.
- Langkah 3 : Minta pertolongan.
- Langkah 4 : Jangan tinggalkan mangsa sehingga bantuan tiba.

Langkah kawalan

- Buat pengasingan / nyah-fius peralatan sebelum kerja dimulakan.
- Pastikan peralatan elektrik dalam keadaan baik sebelum menggunakannya.
- Laporkan segera sekiranya peralatan rosak / tidak elok.
- Dikendalikan oleh mereka yang terlatih sahaja.
- Buat pemeriksaan secara berkala

DEFINISI PENYAKIT PEKERJAAN

Penyakit pekerjaan adalah penyakit yang disebabkan atau berpunca daripada aktiviti dan faktor persekitaran di tempat kerja.

□ JENIS-JENIS PENYAKIT PEKERJAAN MENGIKUT ORGAN SASARAN

- Penyakit Berkaitan Bangunan
- Penyakit Kulit Pekerjaan
- Penyakit Hati
- Penyakit Otot Rangka
- Penyakit Ginjal
- Penyakit Sistem Kardiovaskular
- Penyakit Psikiatri / Gangguan Kesihatan Mental
- Penyakit Sistem Pembiakan
- Penyakit Kanser Pekerjaan
- Penyakit Sistem Saraf Pusat

□ JENIS-JENIS PENYAKIT PEKERJAAN MENGIKUT AGEN PENYEBAB

- Logam
- Gegaran
- Gas
- Suhu
- Pelarut
- Radiasi
- Racun Serangga / herba / roden / kulat
- Tekanan
- Hilang Pendengaran Akibat Kebisingan

□ JENIS-JENIS HAZAD PEKERJAAN

- Hazard Fizikal
 - Suhu terlampau sejuk / panas - Elektrikal
 - Mekanikal - Radiasi
 - Gegaran - Tekanan rendah / tinggi
 - Kebisingan - Pencahayaan
- Hazard Kimia
 - Asid / alkali - Gas Anastasia
 - Pelarut - Ubat sitotoksik
 - Bahan disinfeksi
- Hazard Biologiikal
 - Virus - Kulat
 - Bakteria - Plasmodium
 - Protozoa
- Hazard Ergonomik
 - Daya berlebihan - Tekanan setempat
 - Kerja berulang - Faktor persekitaran
 - Posisi yang salah
- Hazard Psikososial
 - Stress pekerjaan - Ketagihan dadah / ubat
 - Depresi, kerisauan - Penderaan seksu